MOTAC.600/6/6/25 JLD.5 ( 19 )

**PEKELILING PESURUHJAYA PELANCONGAN**
**BIL. 1/ 2026**

**PINDAAN KEPADA PEKELILING PESURUHJAYA PELANCONGAN BILANGAN 1/2025**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Pesuruhjaya Pelancongan ini bertujuan untuk memaklumkan pindaan yang dibuat kepada Pekeliliing Pesuruhjaya Pelancongan Bil. 1/2025.

**LATAR BELAKANG**

2. Pekeliling Pesuruhjaya Bil. 1/2025 bertarikh 8 Julai 2025 di perenggan 5 (a) Kewajipan Melaporkan Kemalangan menetapkan bahawa pemegang lesen dikehendaki memfailkan laporan kemalangan kepada MOTAC dengan menggunakan borang seperti di **Lampiran A** dalam tempoh masa **24 jam** dari mula kejadian berlaku.

**PINDAAN**

3. Dalam konteks semasa, bagi memudahkan penyelarasan dan pelaporan, pindaan adalah dibuat kepada Pekeliling Pesuruhjaya Pelancongan 1/2025 seperti berikut:

   i. Perenggan 5 (a) dipinda dengan menggantikan perkataan “MOTAC” dengan frasa “Pengarah Pelancongan Negeri yang berkenaan”; dan

   ii. Borang di Lampiran A adalah dibatalkan dan digantikan dengan borang baharu seperti di **Lampiran I**.

4. Pekeliling ini tidak membatalkan lain-lain peruntukan dalam Pekeliling Pesuruhjaya Pelancongan Bil. 1/2025 kecuali setakat mana yang dinyatakan.

**TARIKH KUAT KUASA**

5. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan.

**(DATO' SHAHARUDDIN BIN ABU SOHOT)**
Pesuruhjaya Pelancongan
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

Tarikh: 21 Mei 2026

**LAMPIRAN I**

| Hendaklah dihantar dalam tempoh 24 jam dari kejadian kemalangan |
|---|

---

**LAPORAN KEMALANGAN DI BAWAH AKTA 482 / AKTA 594**

Ruj. Kami :
Tarikh :

Pengarah Pelancongan Negeri .........................
.......................................................................
.......................................................................
.......................................................................
Emel:.............................@motac.gov.my

salinan kepada dan melalui emel:

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan
Aras 1, No. 2, Menara 1
Jalan P5/6, Presint 5
**62200 PUTRAJAYA**

**asp@motac.gov.my / unitasp@motac.gov.my / tobtab@motac.gov.my**
No. Tel. : 03-8891 7583 / 03 8891 7211

**Maklumat Kes**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | **Nama pemegang lesen** | : | |
| 2. | **Jenis lesen, no. lesen & tarikh tamat lesen** | : | |
| 3. | **No. pendaftaran pemegang lesen** | : | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4. | **No. telefon bimbit pemegang lesen** | : | |
| 5. | **Tarikh & masa kemalangan berlaku** | : | |
| 6. | **Tempat kemalangan berlaku** | : | |
| 7. | **Jenis kenderaan yang terlibat dalam kemalangan, jika berkaitan** | : | |
| 8. | **Nombor pendaftaran kenderaan yang terlibat dalam kemalangan, jika berkaitan** | : | |
| 9. | **Tarikh tamat lesen kenderaan, jika berkaitan** | : | |
| 10. | **Nama, no. kad pengenalan, no. lesen memandu dan no. telefon bimbit pemandu, jika berkaitan** | : | |
| 11. | **Nama, no. lesen dan no. telefon bimbit pemandu pelancong, jika berkaitan** | : | |

<table>
<tr><td>12.</td><td>Surat kelulusan pengecualian pemandu pelancong, jika berkaitan</td><td>:</td><td>Ada / Tiada</td></tr>
<tr><td>13.</td><td>Tujuan perjalanan</td><td>:</td><td></td></tr>
<tr><td>14.</td><td>Tarikh & laluan perjalanan</td><td>:</td><td></td></tr>
<tr><td>15.</td><td>Maklumat Penumpang</td><td>:</td><td><table>
<tr><th>Penumpang</th><th>Lelaki</th><th>Perempuan</th></tr>
<tr><td>Kanak-kanak</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>Dewasa</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>Jumlah</td><td></td><td></td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td>16.</td><td>Ringkasan kejadian<br>(sila lampirkan salinan laporan polis dan gambar berkaitan)</td><td>:</td><td></td></tr>
<tr><td>17.</td><td>Maklumat kenderaan pemegang lesen</td><td>:</td><td></td></tr>
<tr><td>18.</td><td>Maklumat kenderaan pihak ketiga</td><td>:</td><td></td></tr>
<tr><td>19.</td><td>Butir kerosakan harta benda</td><td>:</td><td></td></tr>
</table>

| | | | |
|---|---|---|---|
| (i) | **Infrastruktur**<br><br>(contoh: jalan raya, penghadang jalan, lampu jalan, papan tanda, dan sebagainya) | : | |
| (ii) | **Pencemaran alam sekitar**<br><br>(contoh: tumpahan minyak, kebocoran gas, kebakaran, dan sebagainya) | : | |
| (iii) | **Kerosakan-kerosakan lain** | : | |

Saya dengan ini mengesahkan bahawa semua maklumat yang diberikan adalah tepat dan benar. Saya juga memahami bahawa saya boleh dikenakan tindakan tegas oleh pihak Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia sekiranya didapati bahawa maklumat yang dikemukakan, sama ada sebahagian atau keseluruhan, adalah palsu, tidak benar, atau mengelirukan. Saya akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kes ini sehingga tamat penyiasatan oleh Kementerian.

Tandatangan pengurus pemegang lesen :
Nama pengurus pemegang lesen :
Tarikh :

Cop pemegang lesen :